



30 November 2022
30 November 2022
P.U. (A) 371

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PROKLAMASI

PROCLAMATION

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PROKLAMASI

OLEH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG, DENGAN KURNIA ALLAH,
KETUA UTAMA NEGARA BAGI NEGERI-NEGERI DAN WILAYAH-WILAYAH MALAYSIA

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
Yang di-Pertuan Agong XVI

BAHAWASANYA Parlimen telah dibubarkan pada sepuluh hari bulan Oktober,
dua ribu dua puluh dua:

DAN BAHAWASANYA Fasal (4) Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan
memperuntukkan bahawa Parlimen hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu
tarikh tidak lewat daripada seratus dua puluh hari dari tarikh pembubaran itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN
BILLAH, dengan Kurnia Allah, Yang di-Pertuan Agong bagi Negeri-Negeri dan
wilayah-wilayah Malaysia, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA
di bawah Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan, DENGAN INI MEMANGGIL Parlimen
untuk bermesyuarat dan menetapkan sembilan belas hari bulan Disember,
dua ribu dua puluh dua, dan pukul sepuluh pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi
Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Malaysia Yang Kelima Belas, yang akan
diadakan di Bangunan Parlimen di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan.

DIPERBUAT di Istana Negara BETA di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan,
pada dua puluh lapan hari bulan November, dua ribu dua puluh dua.

Dengan Titah Perintah Baginda

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
Perdana Menteri

FEDERAL CONSTITUTION

PROCLAMATION

BY HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG,
BY THE GRACE OF ALLAH,
SUPREME HEAD OF THE STATES AND TERRITORIES OF MALAYSIA

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
Yang di-Pertuan Agong XVI

WHEREAS Parliament was dissolved on the tenth day of October,
two thousand twenty two:

AND WHEREAS Clause (4) of Article 55 of the Federal Constitution provides
that Parliament shall be summoned to meet on a date not later than one hundred and
twenty days from the date of such dissolution:

NOW THEREFORE, WE, AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA
BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH,
by the Grace of Allah, the Yang di-Pertuan Agong of the States and territories of Malaysia,
in exercise of the powers conferred on US under Article 55 of Federal Constitution,
DO HEREBY SUMMON Parliament to meet and appoint the nineteenth day of December,
two thousand twenty two, and the hour of ten in the morning, as the date and time
for the First Meeting of the First Session of the Fifteenth Parliament of Malaysia,
to be held in the Parliament House in Kuala Lumpur, the Federal Capital.

GIVEN at OUR Istana Negara in Kuala Lumpur, the Federal Capital,
this twenty eight day of November, two thousand twenty two.

By His Majesty's Command

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
Prime Minister